



PANDUAN PENDAFTARAN KEDIAMAN SESI NOVEMBER 2021

KPTM ALOR SETAR

1. Semua pelajar terlibat yang akan kembali ke kolej dikehendaki mematuhi peraturan tatacara dan jadual yang telah ditetapkan seperti di lampiran.
2. Hanya pelajar telah **lengkap divaksinasi dan melepasi tempoh keberkesanan** sahaja dibenarkan untuk mendaftar pada 30 November 2021.
3. Pelajar perlu mematuhi masa pendaftaran yang ditetapkan dan pemakaian face mask adalah wajib. Pelajar juga dikehendaki mengamalkan penjarakkan sosial sepanjang tempoh pendaftaran berlangsung.
4. Hanya **PELAJAR** sahaja yang dibenarkan untuk memasuki perkarangan asrama sehingga selesai proses pendaftaran. Ibu bapa atau penjaga hanya menurunkan pelajar dan barang-barang pelajar di kawasan asrama sahaja sahaja.
5. Pelajar dikehendaki untuk melakukan Ujian Saringan Covid-19 sama ada di pusat kesihatan / klinik atau membuat ujian saringan sendiri dan **menyimpan keputusan ujian dalam bentuk gambar**. Gambar tersebut perlu di muatnaik di QR kod pada hari pendaftaran. (Rujuk SOP Pendaftaran Kediaman yang dilampirkan)
6. **Semua pelajar** akan menjalani Ujian Saringan Covid-19 yang dilaksanakan oleh pihak kolej pada **13 Disember 2021** sebelum dibenarkan ke kolej pada 14 Disember 2021.
7. Pelajar juga perlu memastikan mengisi **maklumat vaksinasi** di SPMP bagi melengkapkan proses pendaftaran.
8. Pelajar boleh merujuk **SOP Pendaftaran Kediaman** yang telah dilampirkan untuk informasi yang lebih menyeluruh.
9. Sebarang persoalan berkenaan proses kemasukan pelajar asrama boleh merujuk kepada:

Bil	Nama	No Tel
1.	Puan Norehan bt Kamarudin Penolong Pengarah Kediaman & Kebajikan Pelajar	013-5354576
2.	Puan Asmah bt Abdul Rahman Penyelia Asrama Kanan Siswi	017-4768007
3.	Encik Mohammad Iqbal bin Che Senu Penyelia Asrama Siswa	017-4932860

10. Jadual pendaftaran pada 30 November 2021 adalah seperti berikut:

Program	Masa	Tempat
AO101	9.00 pagi – 11.30 pagi	Asrama Siswi Taman Permodalan (Pelajar Asrama Siswi sahaja) Dan Asrama Siswa Taman Rakyat (Pelajar Asrama Siswa dan Pelajar Tinggal Luar)
CC103 & AA101	11.30 pagi – 1.00 t.hari	
AB101	2.00 petang – 3.30 petang	
AT101	3.30 petang – 4.30 petang	

11. Terdapat dua kategori pelajar yang akan mendaftar iaitu:

A. Pelajar Tinggal di Asrama

- i. Semua pelajar yang tinggal di asrama dikehendaki untuk menjalani proses pengasingan **SEPULUH (10)** hari sebelum tarikh PdP secara bersemuka bermula.
- ii. Pelajar akan menjalankan kelas secara online di asrama dalam tempoh pengasingan itu
- iii. Pelajar dikehendaki menyediakan wang saku dan barang keperluan yang mencukupi bagi menjalani tempoh pengasingan selama 10 hari. Sepanjang tempoh tersebut pelajar tidak digalakkan untuk keluar dari asrama atau berhubung dengan sesiapa dari pihak luar secara bersemuka bagi mengelakkan sebarang risiko jangkitan Covid-19.
- iv. Pelajar juga dikehendaki untuk membawa bersama **Kit Ujian Saringan Kendiri Covid-19**. Pelajar boleh menggunakannya sekiranya terdapat simptom jangkitan sepanjang tempoh pengasingan.
- v. Pelajar yang bergejala akan ditempatkan di bilik kuarantin sehingga dibawa pulang oleh ibu bapa pelajar.
- vi. Pelajar juga adalah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk pulang ke kediaman masing-masing pada hujung minggu kecuali mempunyai urusan yang penting. Pelajar yang pulang ke kediaman perlu melakukan ujian saringan semula apabila kembali ke asrama.

- vii. Pelajar akan menjalani **Ujian Saringan Covid-19** yang dikendalikan oleh pihak kolej pada **13 Disember 2021** bertempat di asrama siswi dan siswa.

B. Pelajar Tinggal Luar (Tinggal di rumah sewa / tinggal bersama ibu bapa)

- i. Semua pelajar yang tinggal luar juga dikehendaki untuk melakukan proses pendaftaran bertempat di asrama pada **30 November 2021** mengikut jadual yang ditetapkan.
- ii. Pelajar yang gagal untuk melakukan proses pendaftaran ini tidak dibenarkan untuk ke kolej bagi sesi pembelajaran secara bersemuka.
- iii. Pelajar Tinggal Luar akan ke Asrama Taman Rakyat pada **13 Disember 2021** bagi melakukan **Ujian Saringan Covid-19** yang dikendalikan oleh pihak kolej sebelum kembali ke kolej pada 14 Disember 2021.
- iv. Masa pendaftaran yang ditetapkan pada 13 Disember 2021 adalah seperti berikut :

Tempat	Sesi	Masa	Pelajar Terlibat
Asrama Siswa Taman Rakyat	Pagi	9.00 pagi - 1.00 petang	AO101, CC103 & AA101
	Petang	2.00 petang - 4.30 petang	AB101 & AT101